UNIT 14

KENALI KESENIAN KITA

A **Lengkapkan dialog. Kemudian, lakonkan.** S.P 1.1.3(iii)

Konda Kondi

- Dimainkan di kawasan lapang.
- Peralatan yang diperlukan ialah dua batang kayu, iaitu satu panjang dan satu pendek.
- Kayu pendek dipanggil anak dan kayu panjang dipanggil ibu.
- Satu lubang akan digali untuk meletakkan kayu panjang. Kemudian, kayu itu akan dikuis. Pihak lawan akan cuba menangkap kayu pendek tersebut.

Saya baru habis membaca rencana tentang permainan tradisional masyarakat Malaysia.

Benarkah? Apakah permainan tradisional itu?

Permainan tradisional itu ialah (1) _____. Peralatan yang diperlukan (2) _____ _____.

Bagaimanakah cara-cara permainan itu? Saya tidak tahu tentang permainan tradisional ini.

Saya pun tahu melalui pembacaan sebentar tadi. Permainan tradisional kian dipinggirkan.

Ya, Alisa. Pada pendapat saya, permainan tradisional kian dilupakan kerana perkembangan teknologi maklumat. Banyak permainan dalam talian dicipta.

Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Oleh itu pelbagai langkah perlu diambil seperti (3) _____ _____.

LIVEWORKSHEETS